

# buletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara

APRIL - JUN 2018  
**BIL.2/2018**

BULETIN JPN KINI LEBIH  
BERINFORMASI! IKUTI  
MEDIA SOSIAL RASMI JPN  
UNTUK PERKEMBANGAN  
TERKINI!

[www.JPN.gov.my](http://www.JPN.gov.my)  
twitter: @JPN\_official  
instagram: @JPN\_official

## KURSUS TRAINING OF TRAINER ETIKA DAN PENGURUSAN KAUNTER

MAJLIS  
PERSARAAN JPN  
2018 - JASAMU  
DIKENANG

PROGRAM  
PENERAPAN NILAI  
MURNI

PERKHIDMATAN  
OUTREACH  
SEMPENA  
PROGRAM PRA  
PELANCARAN  
MAJLIS  
PERBANDARAN  
JEMPOL.

# EDITORIAL

PENAUNG  
YBhg. Dato' Mohd Razin Bin Abdullah  
PENASIHAT  
YBrs. Tuan Mohamad Khir Bin Mat Lazam  
YBrs. Tuan Hj Jasri Bin Kasim  
KETUA EDITOR  
Puan Farra Maya Binti Ahmad Jelani  
PENOLONG KETUA EDITOR  
Zuraini Binti Abdul Karim  
SIDANG PENGARANG BAHAGIAN  
EKA, BKPK, BKW, BPL, BTM, BPM, UKK, UI, BKPK, BPR, BSK,  
JPN NEGERI  
Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, N.Sembilan, Pahang, P.Pinang, Selangor, Terengganu,  
Sabah, Sarawak, WP Kuala Lumpur, WP Labuan.  
JURU GAMBAR  
Amirul Mohamad Sazli Bin Kamaruzaman  
GRAFIK/REKA LETAK  
Mohd Firdaus Bin Mohd Fauzi  
URUSETIA & EDARAN  
Unit Komunikasi Korporat  
TERBITAN  
Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia Ibu Pejabat, No. 20,  
Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Telefon: +603 8000 8000  
Faksimili: +603 8880 8288  
Email: pro@JPN.gov.my  
Web: www.JPN.gov.my

# Kandungan

# bulletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara

# **39** Rakyat Dihati JPN PROGRAM MOBILE EHSAN

- 14** Aktiviti Negeri  
PERHIMPUNAN BULANAN JPN APR - JUN 2018
- BENGKEL SEMAKAN DATA MODEL CA GEN : PEMBANGUNAN SISTEM eJPN
- BENGKEL SISTEM iJPN : MODUL EPAYMENT (KUTIPAN HASIL) OPERASI DAN TEKNIKAL KEPADA PETUGAS KAUNTER JPN

**45** Media @ JPN

# **06** Berita Utama

MAJLIS PERSARAAN JPN 2018

KURSUS TRAINING OF TRAINER ETIKA DAN PENGURUSAN KAUNTER

DALAM KENANGAN

# **12** Program Kppn

LAWATAN KERJA DATO KP JPN KE JPN RAUB

LAWATAN KERJA YBHG DATO' KPPN KE NEGERI TERENGGANU

SESI PENYERAHAN BUAH KURMA SUMBANGAN MADAH.

SESI AMANAT KETUA PENGARAH PENDAFTARAN

- 36** Inspirasi Warga  
ENCIK NOORULADZIM BIN ATEMAN



---

# PENA KETUA EDITOR

Fara Maya Binti Ahmad Jelani  
Ketua Editor

---

**A**lhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi, Buletin JPN Bil.2/2018 berjaya diterbitkan untuk berkongsi maklumat dan aktiviti JPN bagi suku tahun kedua 2018. Terima kasih saya ucapkan kepada semua sumbangan artikel dalam Buletin kali ini. Keluaran kali ini seperti biasa memberi tumpuan kepada aktiviti dan program rasmi dan tidak rasmi Jabatan di seluruh Negara. Pelbagai pahit manis kenangan telah dikongsikan dari semua panel penulis dari semua negeri. Buletin kali ini mengangkat dua nama besar di JPN yang telah meninggalkan Jabatan. Allahyarham Dato' Zahari bin Hassan, mantan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) yang perginya tak akan kembali dan Encik Nooruladzim bin Ateman, Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat yang akhirnya meninggalkan JPN untuk menyertai Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Adalah diharapkan semua warga JPN mengambil iktibar dan berkongsi informasi dan maklumat JPN dari Buletin ini sebagai pemangkin kepada terhasilnya program-program yang jauh lebih baik dan bermanfaat pada masa akan datang. Sekian.

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

YBhg. Dato' Mohd Razin Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Saya mengucapkan tahniah kepada sidang editor di atas penerbitan Buletin Bil.2/2018. Nampaknya dalam tidak sedar kita sudah melewati separuh tahun 2018. Alhamdulillah pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di peringkat Ibu pejabat dan negeri.

Seperti semua sedia maklum pada Pilihan Raya Umum ke-14 telah menyaksikan buat pertama kali perubahan Kerajaan yang memerintah. Jabatan Pendaftaran Negara menyambut baik dan memberi sokongan padu kepada pemerintahan Kerajaan Baharu seperti yang telah dipilih rakyat. Justeru saya menyeru semua warga JPN untuk terus berbakti kepada Negara dengan telus dan berintegriti dalam memastikan perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat.

Kita juga turut dikejutkan dengan pemergian Allahyarham Dato' Mohd Zahari bin Hassan, mantan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi). Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar buat JPN. Sama-sama kita mendoakan kesejahteraan rohnya di samping Pencipta Yang Maha Agung. Allahyarham sepatutnya diraikan bersama pesara-pesara JPN baru-baru ini. Walau bagaimanapun, Allah lebih menyayanginya. Justeru saya ingin jua mengucapkan selamat maju jaya dan selamat bersara kepada semua pesara JPN 2018.

Dikesempatan ini saya turut mengucapkan tahniah kepada semua warga JPN di atas kejayaan setiap program yang telah dilaksanakan, baik aktiviti rasmi Jabatan mahupun aktiviti sukan dan santai. Terbukti warga JPN sememangnya sentiasa bersedia dalam menyahut cabaran. Semangat esprit de corps di kalangan warga JPN yang sangat tinggi membuatkan saya bangga dan bersemangat menerajui Jabatan ini.

Serasanya masih belum terlambat saya mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Hari Raya memandangkan Buletin kali ini merangkumi aktiviti Jabatan dari April hingga Jun. Akhir kata, adalah diharapkan semua warga JPN dapat memanfaatkan perkongsian maklumat dalam Buletin ini sebaiknya.



# KURSUS TRAINING OF TRAINER ETIKA DAN PENGURUSAN KAUNTER



Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPN) sentiasa komited untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. JPN sebagai sebuah jabatan yang sentiasa berurusan dengan kehendak pelanggan, oleh itu adalah penting untuk menjaga keberkesanannya penyampaian kualiti keseragaman dalam konsep penyampaian perkhidmatan oleh pegawai kaunter/petugas barisan hadapan dari sudut etika dan pengurusan kaunter.

Selaras dengan kehendak jabatan, Bahagian Latihan (BPL) telah merancang satu bentuk latihan iaitu Kursus Etika dan Pengurusan Kaunter Tahun 2018 dan ianya telah diluluskan melalui Pelan Operasi Latihan 2018. Penganjuran Kursus Training of Trainer Etika dan Pengurusan Kaunter oleh BPL, JPN merupakan satu inisiatif untuk memastikan keseragaman



## Berita Utama

penyampaian perkhidmatan petugas kaunter dengan satu kualiti, gaya dan cara di JPN Seluruh Malaysia.

Kursus Training of Trainer Etika dan Pengurusan Kaunter telah diadakan pada 13 hingga 15 April 2018 melibatkan pegawai dari semua bahagian di JPN Ibu Pejabat dan JPN Negeri. Kursus ini telah dilaksanakan di Pusat Latihan Awam Kementerian Pertahanan (PLATIH), Bukit Fraser Jalan Padang, Pahang dan dihadiri oleh 40 orang pegawai dari setiap zon negeri, termasuk JPN Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Kursus ini dikendalikan oleh Perunding Motivasi Tuan Haji Hushim Haji Salleh, Pengarah Urusan dari Hushim Motivational and Counselling Consultancy. Objektif penganjuran kursus ini adalah untuk melatih pegawai kaunter/ petugas barisan hadapan sebagai Jurulatih Transformasi Kaunter (JTK) dengan keseragaman dalam konsep penyampaian perkhidmatan kaunter JPN, mempertingkatkan perhubungan manusia dengan nilai dan etika, berkomunikasi dengan mesra serta sopan, tips menerajui kebolehan diri serta bersikap professional dalam menangani isu-isu di kaunter.



Pengendali kursus telah memperkenalkan kaedah keseronokan bekerja dengan menerapkan konsep 4S, LAST, Law of Connection dan Komunikasi P-A-C.

Kursus Training of Trainer Etika dan Pengurusan Kaunter akan memacu penambahbaikan serta mempertingkatkan mutu dan kecekapan penyampaian perkhidmatan petugas barisan hadapan yang luar biasa di samping menginjak perubahan kualiti, gaya dan cara penyampaian perkhidmatan petugas barisan hadapan dengan nilai amanah, cekap dan mesra. Peserta yang dilatih mengalas tanggungjawab sebagai "role model" dalam menerajui perubahan penyampaian perkhidmatan di kaunter. Tanggungjawab utama JTK adalah merealisasikan objektif jabatan dengan memastikan maklumat yang



disampaikan, diterima oleh semua pegawai kaunter/ petugas barisan hadapan. JTK ini akhirnya dibentuk mengikut zon utara, selatan, tengah, timur, sabah serta sarawak dan bertanggungjawab memberi latihan dengan membawa perubahan kepada setiap petugas kaunter dalam negeri masing-masing untuk menjadi hebat dan luar biasa.



Pelaksanaan kursus ini menjadi satu titik tolak ke arah mendidik dan membentuk petugas kaunter dengan keseragaman dari segi kualiti, gaya dan cara menerima pelanggan serta menyampaikan perkhidmatan dengan cekap sekaligus memberi gambaran positif terhadap imej jabatan. Justeru, kursus ini mampu menjadi garis panduan kepada setiap ahli JTK yang dilatih untuk mendidik serta mempraktikkan budaya kerja yang penuh beretika terutamanya apabila menerima sehingga menyelesaikan keperluan pelanggan.



# MAJLIS PERSARAAN JPN 2018

## JASAMU DIKENANG

Majlis Persaraan telah diadakan bagi meraikan pesara dan bakal pesara yang bersara wajib dan pilihan sepanjang tahun 2018. Majlis telah diadakan di Dewan Balora Perdana, Ibu Pejabat JPN dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Alwi Bin Hj Ibrahim, Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri.

Seramai 105 orang pegawai dan kakitangan JPN yang terdiri daripada pelbagai skim dan gred jawatan yang bersara wajib dan pilihan pada tahun 2018 telah diraikan. Sambutan meriah majlis yang berkonsepkan "WARNA WARNI KEHIDUPAN" dan bertemakan pelangi sebagai tanda penghargaan di atas segala pengorbanan dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di JPN. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan dari Briged Kesenian dan juga warga kerja JPN.

Selamat Maju Jaya diucapkan kepada semua pesara dan bakal pesara dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas jasa bakti dan komitmen yang telah disumbangkan.





إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ جَاهِدُونَ

# DALAM KENANGAN

**ALLAHYARHAM DATO' MOHD ZAHARI BIN HASSAN**  
MANTAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA (OPERASD)

Pada 2 April 2018 ( Isnin ), seluruh warga Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dikejutkan dengan berita pemergian Allahyarham Dato' Mohd Zahari bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Operasi) ke rahmatullah di usia 59 tahun. Allahyarham meninggal dunia akibat daripada Acute Pacreatitis With Metabolic Acidosis And Hypocalcaemia. Jenazah Allahyarham telah disempurnakan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Presint 20, Putrajaya dengan diiringi warga JPN yang menangisi pemergiannya. Allahyarham meninggalkan seorang bala dan enam orang anak.

Allahyarham dilahirkan pada 11 Disember 1958, anak bongsu dari empat orang adik beradik yang berasal dari Pulai Chondong, Kelantan. Allahyarham memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir Am di Bahagian Kelahiran, Kematian, dan Anak Angkat Jabatan Pendaftaran Negara pada 14



**“SEORANG PEMIMPIN YANG BERPEWATAKAN LEMBUT, PENYAYANG, SOPAN TUTUR KATA NAMUN TEGAS DALAM MENASIHATI DAN MEMBUAT KEPUTUSAN. JARANG BERKATA-KATA NAMUN BILA BERBICARA SETIAP KATANYA PENUH ISI DAN MAKNA TERSIRAT.”**

Encik Badrul Hisham bin Alias



Disember 1981 setelah menamatkan pengajian dalam tahun 1981 dalam jurusan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan Penghususan Ekonomi Pembangunan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Allahyarham kemudiannya ditempatkan sebagai Pegawai Pendaftaran, JPN Daerah Hulu Langat, Kajang pada 1 November 1982. Allahyarham bertindak menguruskan pembukaan pejabat baru JPN Hulu Langat yang sebelumnya menumpang di dalam Pejabat Daerah Hulu Langat ke bangunan baru. Pada 9 Julai 1984 hingga 1988, Allahyarham dilantik sebagai Penolong Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pahang dan terlibat secara langsung dengan Program Outreach untuk mendaftar kelahiran Orang Asli di kawasan pedalaman Negeri Pahang.

Setelah 25 tahun, pada 2 September 2013, Allahyarham telah kembali ke JPN dan ditempatkan di Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Perak sebagai Pengarah. Memulakan tugas dengan terlibat secara langsung dalam Majlis Sambutan Hari JPN pada 1 Oktober 2013. Sepanjang tempoh Allahyarham memimpin JPN Perak, banyak aktiviti yang telah dilakukan dan beberapa transformasi dibuat dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Allahyarham kemudian beralih ke Jabatan Imigresen, Perak pada tahun 2015 buat seketika.

Pada 20 Jun 2016 Allahyarham kemudiannya buat kesekian kali kembali ke JPN sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Operasi). Sudah takdirnya berjodoh dengan



## Berita Utama

JPN, Allahyarham memulakan perkhidmatannya di JPN yang kemudiannya merupakan tempat terakhir Allahyarham berkhidmat sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir. Khidmat bakti Allahyarham telah menyumbang kepada pelbagai kejayaan Jabatan. Beberapa kali menanggung kerja Ketua Pengarah Pendaftaran Negara dan Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran (Pengurusan), Allahyarham dilihat sangat komited dan berdedikasi mencurahkan keringat dan idea dalam memastikan misi dan visi Jabatan tercapai. Di antara kejayaan besar JPN di bawah bimbingan Allahyarham ialah kelulusan Pindaan Akta 299, pelaksanaan Hub Percetakan Teragih dan program MyDaftar 2017.



**“IBARATKAN KEHILANGAN SEORANG PEMIMPIN YANG ADIL, AMANAH DAN BERKARISMA ATAS PEMERGIAN ARWAH KE RAHMATULLAH. BUDI DAN JASA BELIAU SENTIASA DALAM INGATAN DAN DIJADIKAN TELADAN.”**

Puan Norsuraya binti Pinjaman

Mengenali Allayarham, rata-rata semua warga JPN senang dan mudah berurusan dengannya. Perwatakannya yang lembut dalam ketegasan, sopan dan menjaga tutur kata, menasihati dengan penuh hikmah menjadikan Allayarham dihormati dan disegani rakan dan staf. Pemergiannya ditangisi, kehilangannya dirasai, keberadaannya dirindui, JPN sangat

terkesan dengan kehilangan seorang pegawai yang banyak berjasa dan aktif menyumbangkan idea, masa serta tenaga dalam menjayakan program dan operasi utama JPN.

Allayarham sepatutnya diraikan persaraannya bersama pesara-pesara JPN bagi tahun 2018. Walau bagaimanapun Allah lebih menyayangi Allayarham.



**“SEORANG YANG TEGAS DARI SEGI KERJA TETAPI DALAM MASA YANG SAMA SEORANG KETUA YANG BAIK, BERTIMBANG RASA DAN SERING MEMBERI TUNJUK AJAR SERTA BOLEH DIBAWA BERBINCANG.”**

Puan Zaredah binti Zainuddin

Berkhidmat selama 37 tahun, beliau merupakan pegawai yang sangat berdedikasi, berdisiplin dan disayangi semua yang pernah bekerja dengannya. Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang beriman. Al-Fatihah.



# LAWATAN KERJA DATO KP JPN KE JPN RAUB

**23 APRIL** - Dato' Mohammad Razin Bin Abdullah telah ke JPN Raub untuk berkenalan dengan kakitangan disana. Di samping itu juga beliau dapat melihat sendiri lokasi JPN Raub yang sebenar. Turut hadir adalah Pengarah JPN Pahang iaitu Puan Juzilawati dan Timbalan Pengarah Encik Nazrifairuz.



## LAWATAN KERJA YBHG DATO' KPPN KE NEGERI TERENGGANU



**28 APRIL** - YBhg Dato' KPPN telah membuat Lawatan ke JPN Negeri Terengganu bersempena dengan Lawatan Kerja beliau ke Negeri Terengganu.

## LAWATAN KPPN KE JPN DAERAH KUALA BERANG, TERENGGANU.



YBhg Dato' KPPN bersama dengan Pengurusan JPN Negeri Terengganu telah mengadakan lawatan ke JPN Daerah Kuala Berang bermula jam 12.00 tengah hari sehingga jam 1.00 tengah hari. YBhg Dato' KPPN dibawa meninjau kedaan pejabat JPN Daerah Kuala Berang serta beramah mesra dengan kakitangan serta pelanggan yang hadir.

## SESI PENYERAHAN BUAH KURMA SUMBANGAN MADAH.



**16 MEI** - Sesi penyerahan buah kurma, sumbangan daripada Majlis Kebajikan,Kebudayaan Dan Riadah (MADAH) JPN Putrajaya kepada kakitangan yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Pendaftaran Negara merangkap Yang Dipertua Kelab MADAH JPN Ibu Pejabat Putrajaya Sempena Bulan Ramadhan 1439H / 2018M.

## SESI AMANAT KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA BERSAMA PEGAWAI LANTIKAN BAHARU BIL 1/2018

Sesi Amanat Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Bersama Pegawai Lantikan Baharu Bil.1/2018 dan Lawatan Ke Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya. Seramai 50 orang peserta termasuk dari semenanjung, sabah dan Sarawak telah hadir ke Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya. Sesi ini bertujuan memperkenalkan Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya. Para peserta telah membuat lawatan ke bahagian – bahagian seperti Bahagian Kad Pengenalan, Bahagian Perkahwinan, RMC dan juga Help Desk. Disamping itu juga, surat penempatan para peserta telah diberikan kepada semua peserta oleh YBhg. Dato' KPPN.



## PERHIMPUNAN BULANAN JPN APR - JUN 2018

Perhimpunan Bulanan JPN bagi Bilangan ke2 tahunan telah diadakan pada 24 April, 31 Mei dan 26 Jun yang lalu bertempat di Dewan Balora Perdana dan majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah.

Perhimpunan bulan April adalah kerjasama di antara Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Bahagian Pusat Pengurusan Rekod. Beberapa program pengisian telah dimasukkan seperti tayangan Montaj Imbasan Aktiviti JPN sepanjang bulan Mac dan April. Program "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit"

turut diadakan semasa majlis ini sebagai simbolik kepada pembacaan serentak di seluruh negara yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia mulai jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi.

Bagi Perhimpunan Bulanan JPN Mei adalah kerjasama di antara Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Beberapa program pengisian telah dimasukkan seperti tayangan Montaj Imbasan Aktiviti JPN sepanjang bulan April yang lalu.

Manakala Perhimpunan Bulanan

JPN bagi bulan Jun pula adalah kerjasama di antara Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan. Beberapa program pengisian telah dimasukkan seperti tayangan Montaj Imbasan Aktiviti JPN sepanjang bulan Mei dan Jun. Satu Sesi Pelancaran Tabung Harapan Malaysia Peringkat JPN telah dilancarkan yang mana tabung ini bertujuan untuk membantu memulihkan ekonomi negara Malaysia. Pelancaran Tabung tersebut telah disempurnakan oleh KPPN.

## PROGRAM TURUN PADANG JPN

22 April - Program Turun Padang JPN di Kawasan Hutan Melintang Daerah Bagan Datuk, Perak yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara bagi sesi penyerahan dokumen pengenalan diri yang telah siap kepada pemohon. Pada program tersebut, juga diadakan penyerahan insentif unit Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50) oleh pihak Permodalan Nasional Berhad



# MAJLIS PELANCARAN “FOOD BASKET” PUSAT BANTUAN SURAU AL-MAWADDAH

18 MEI – Majlis Pelancaran “Food Basket” Pusat Bantuan Surau Al Mawaddah JPN Putrajaya #Pahala Diraih Warga Disayang disempurnakan oleh YBrs. Thn. Hj. Badrul Hisham bin Alias, Pengarah Kad Pengenalan mewakili Pengurusan Atasan JPN.

Program buat julung kali ini adalah ilham daripada YBrs. Tuan Haji Jasri bin Kasim , Timbalan Ketua Pengarah JPN (Pengurusan). Pusat bantuan barang keperluan asas ini adalah khusus untuk warga JPN Putrajaya yang memerlukan dan boleh diambil mengikut keperluan pada bila-bila masa. Keperluan asas yang berupa beras, tapung, gula, minyak, dan lain-lain lagi yang dirasakan sesuai merupakan sumbangan ikhlas daripada warga JPN Putrajaya yang juga boleh berbuat demikian pada bila-bila masa terus ke sudut tersebut.



# MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QURAN WANITA ANJURAN PUSPANITA



25 MEI – Majlis Penutup Tadarus Al-Quran Wanita anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil JPN telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Haslinda binti Jamaluddin, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan

Kecil JPN. Tadarus Al-Quran ini telah diadakan selama 5 hari iaitu bermula pada 21 hingga 25 Mei 2018 bersamaan 5 hingga 9 Ramadhan 1439H. Seramai 50 peserta mewakili setiap Bahagian di Ibu Pejabat JPN

dan 6 tenaga pengajar dijemput dalam program ini. Semoga usaha-usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan mengimarahkan bulan Ramadhan dengan bacaan Al-Quran.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN & PENYAMPAIAN CENDERAHATI



1 JUN – Majlis Khatam Al-Quran & Penyampaian Cenderahati anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil JPN dengan kerjasama Surau Al-Mawaddah, Ibu Pejabat JPN 1439H Aturcara dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Ustazah Rafizah binti Mohamed. Seterusnya, YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah,

Ketua Pengarah Pendaftaran Negara merangkap Penasihat PUSPANITA menyampaikan cenderahati kepada tenaga pengajar tadarus, peserta tadarus Al-Quran Wanita, sumbangan food basket kepada Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdullah, Pengurus Surau Al-Mawaddah dan cenderahati kepada pihak Pengurusan Tertinggi JPN.

Turut diadakan adalah simbolik penyampaian bubur lambuk kepada Jawatankuasa Surau Al-Mawaddah. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang, dengan mengimarahkan surau di bulan Ramadhan yang penuh dengan keberkatan.

## BENGKEL SEMAKAN DATA MODEL CA GEN : PEMBANGUNAN SISTEM EJPN

3 APRIL – Bengkel Semakan Data Model CA Gen : Pembangunan Sistem eJPN telah dilaksanakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) di Kamar MyJPN, Aras 4, BTM. Seramai 35 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada 25 orang pegawai BTM dan 10 orang daripada Syarikat Infomina Sdn Bhd. Objektif bengkel adalah seperti berikut :

- i - untuk memastikan data model yang dibangun menggunakan CA Gen untuk pembangunan Sistem eJPN selari dengan skema pangkalan data JPN.
- ii - memurnikan pangkalan data JPN dengan mengenalpasti medan-medan yang tidak diguna pakai.

## AUDIT DALAM ISMS BIL. 1/2018



23-27 APRIL – Audit Dalam ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) Bil 1/2018 telah dilaksanakan oleh 4 orang Juruaudit dan 2 orang Juruaudit Pelatih yang terdiri daripada warga Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM), JPN. Mesyuarat Pembukaan telah diadakan pada 24 April 2018 dan dipengerusikan oleh Puan Rosnita Binti Abd Kahar, Timbalan Pengarah selaku ICTSO Jabatan. Auditee yang terlibat dalam sesi audit terdiri daripada BTM, Bahagian Kad Pengenalan (BKP), Bahagian Pusat Pengurusan Rekod (BPPR) dan Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna Kerajaan (BPKP). Penemuan audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 27 April 2018 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Datin Jawahiril Kamaliah Binti Mohamad, Pengarah BTM selaku CIO Jabatan.

# BENGKEL SISTEM IJPN : MODUL EPAYMENT (KUTIPAN HASIL) OPERASI DAN TEKNIKAL

26 APRIL - Bengkel Sistem iJPN - Modul ePayment (Kutipan Hasil) Operasi dan Teknikal kepada Petugas Kaunter JPN telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) di Bilik Latihan 1, BTM. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 19 orang peserta yang terdiri daripada petugas kaunter, pegawai BTM dan pegawai BKW. Objektif bengkel adalah untuk memberi pendedahan awal kepada peserta berkenaan infrastruktur ICT yang melibatkan pengurusan dan pengendalian terminal EDC bagi pelaksanaan urusan bayaran menggunakan kad kredit dan kad debit. Pendedahan kepada penggunaan sistem bank (Merchant Online System) yang membantu proses reconciliation dan menyokong proses pindahan wang ke akaun AG.



## MAJLIS TAZKIRAH, TAHLIL DAN DOA



16 MEI - Majlis Tazkirah, Tahlil Dan Doa Selamat Sempena Ihya' Ramadhan 1439 H telah diadakan oleh Biro Keagamaan, Kelab BTM di Kamar MyJPN, Aras 4. Tazkirah disampaikan oleh Ustaz Mohammad Redza bin Ahmad dari Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin dengan tajuk Peringatan Ramadhan kepada seluruh warga BTM. Majlis ini diakhiri dengan jamuan berkonsep potluck oleh warga BTM.

## SESI ORIENTASI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU SIRI 1/ 2018

22-25 APRIL - Sesi Orientasi Pegawai Lantikan Baharu Siri 1/2018 yang telah di adakan bertempat di Kompleks Falak Al- Khawarizmi, Tg. Biadara, Melaka. Seramai 50 orang peserta termasuk dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah hadir ke sesi orientasi ini. Sesi Orientasi Pegawai Lantikan Baharu merupakan satu kursus mandatori. Objektif Sesi orientasi ini diadakan bagi Meningkatkan semangat individu dalam memastikan pencapaian matlamat organisasi melalui kerjasama pasukan; Menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai baru dapat menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan, Memberi penekanan kepada urus niaga utama, kemahiran serta elemen-elemen komunikasi yang efektif, bekerjasama dan nilai-nilai murni semasa menjalankan tugas; dan Menerapkan konsep nilai-nilai murni dan integriti dalam mengukuhkan kerohanian peserta melalui tayangan video yang berkaitan nilai-nilai murni. Terdiri daripada pegawai Gred KP19 dan N11.

## KURSUS PENGURUSAN PENGENDALIAN TELEFON



1 MEI - Kursus Pengurusan Pengendalian Telefon, Helpdesk ICT JPN telah diadakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) di Bangi Golf Resort. Kursus selama satu (1) hari ini telah dihadiri oleh 12 orang kakitangan helpdesk JPN yang dikendalikan oleh pakar motivasi, Dr. Ahmad Kamal bin Ariffin. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan lagi kualiti pengendalian telefon oleh helpdesk JPN bagi memastikan perkhidmatan pelanggan berada pada tahap yang terbaik.

# RAMADHAN BUKAN PENGHALANG AKTIVITI PENGUATKUASAAN



30-31 MEI - Bahagian Siasatan Dan Penguatuksaan, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara dan JPN Cawangan Negeri telah melaksanakan 23 operasi yang merangkumi operasi terancang, operasi kutip dan operasi bersepada. Dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 2018, sebanyak 104 tangkapan telah dibuat melibatkan pelbagai kesalahan yang melanggar undang-undang berkaitan dengan dokumen pengenalan diri.

Ketibaan bulan Ramadhan tidak menghalang Bahagian Siasatan Dan Penguatuksaan untuk terus meningkatkan aktiviti penguatuksaan. Satu operasi kutip di sekitar Lembah Klang telah dilaksanakan yang mensasarkan

pengguna Mykad palsu. Operasi tersebut telah terhasil dengan penahanan seorang warganegara Filipina yang menggunakan Mykad palsu untuk bekerja sebagai pencuci kereta di kawasan Pandan Jaya.

Selain daripada itu, Bahagian Siasatan Dan Penguatuksaan turut membuat penahanan 2 orang warga Myanmar pada 31 Mei 2018 yang telah disyaki memberikan maklumat palsu semasa membuat permohonan Mykad kali pertama. Manakala pada 2 Jun 2018, Bahagian Siasatan Dan Penguatuksaan turut menerima kes yang dimajukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia mengenai seorang wanita yang disyaki menggunakan kad pengenalan palsu semasa Operasi JIM di Jalan

Petaling. Kesemua individu yang ditahan telah didakwa di mahkamah dan turut dijatuhkan hukuman yang setimpal.

Bahagian Siasatan Dan Penguatuksaan ingin memperingatkan kepada semua warga JPN agar sentiasa menjaga Integriti dan kerahsiaan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan ini. Mana-mana warga JPN yang didapati melanggar peraturan-peraturan, arahan-arahan dan undang-undang yang ditetapkan serta mereka-mereka yang terlibat dengan kes rasuah atau pecah amanah akan dimajukan kepada pihak berkuasa yang berkenaan tanpa sebarang kompromi.

## KUNJUNGAN AKRAB JPN PUTRAJAYA KE RUMAH BAITUL BAROKAH

16 MEI - Penyerahan sumbangan barang keperluan untuk bulan ramadhan daripada Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JPN Putrajaya ke rumah anak-anak Baitul Barokah Daerah Sepang, Selangor.





## SEMAI AMALAN AGIHAN BUBUR LAMBUK SEMPENA BULAN RAMADAN

8 JUN - BKP Putrajaya, 08 Jun 2018- Bahagian Kad Pengenalan dengan kerjasama Kelab BKP melaksanakan aktiviti agihan bubur lambuk kepada kakitangan Jabatan ini pada bulan ramadhan. Penganjuran kali pertama ini telah disertai oleh Pengarah Kad Pengenalan selaku Penaung Kelab BKP bersama Pegawai Kanan BKP dan ahli Kelab BKP. Seawal jam 12 tengahari para peserta telah memulakan tugas masing-masing dari proses penyediaan sehingga pembungkusan.

Menurut Penaung Kelab BKP merangkap Pengarah Kad Pengenalan, Tuan Haji Badrul

Hisham Bin Alias penganjurannya bukan sahaja mendekatkan ahli kelab kepada kakitangan Jabatan ini malahan memberi peluang menambah amalan pahala sempena bulan yang mulia ini, bahkan ia juga memupuk sifat bersedekah. Hal ini kerana Allah swt mengangkat darjah orang yang bersedekah lebih-lebih lagi dalam bulan ramadhan. Tepat jam 4.00 petang, proses pengedaran bubur lambuk ini telah dimulakan dengan mendapat sambutan yang meriah oleh kakitangan Jabatan ini yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohamad Razin Bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

bersama YBrs. Tuan Haji Jasri Bin Kasim, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara. Dianggarkan sebanyak 300 bekas bubur lambuk telah habis diedarkan dalam hanya tempoh 30 minit.

"Sesungguhnya memberi makan orang yang berbuka besar ganjarannya seperti hadith Rasulullah saw. "Barangsiaapa memberi makan untuk berbuka kepada orang yang berpuasa maka baginya pahala yang sama seperti pahala orang yang berpuasa itu tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun" (Hadith riwayat Tirmidzi)."



# TAKLIMAT INOVASI MELALUI DESIGN THINKING BAGI KUMPULAN PENGURUSAN JPN

26 APRIL – Taklimat Inovasi Melalui Design Thinking Bagi Kumpulan Pengurusan JPN telah diadakan pada 26 April 2018 (Khamis) bertempat di Dewan Melati Perbadanan Putrajaya. Seramai 38 orang peserta telah menghadiri taklimat ini.

Taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman Pengarah Bahagian Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan Pengarah JPN Negeri mengenai pemerksaan inovasi dan kreativiti yang berimpak tinggi.



# BENGKEL PENAMBAHBAIKAN & PEMANTAPAN URUS NIAGA BAHAGIAN KAD PENGENALAN DI INSTITUT LATIHAN FAMA PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN.

24-26 APRIL - Bengkel Penambahbaikan & Pemantapan Urus Niaga Bahagian Kad Pengenalan di Institut Latihan FAMA Port Dickson, Negeri Sembilan telah diadakan bertempat di Institut Latihan FAMA Port Dickson, N. Sembilan. Kursus ini dihadiri oleh seramai 38 orang pegawai dari Bahagian Kad Pengenalan JPN Putrajaya dan JPN Negeri.

Bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan input pegawai-pegawai dengan keseragaman penyampaian dalam konsep perkhidmatan kaunter JPN, menangani isu-isu Kad Pengenalan dan memastikan arahan dan peraturan yang digunakan di BKP adalah selari dengan keperluan undang-undang dan keperluan pelanggan.

# TAKLIMAT MY12 YANG DISAMPAIKAN OLEH JPN PUTRAJAYA



25 APRIL – Taklimat My12 yang disampaikan oleh pegawai JPN Putrajaya kepada pelajar tahun enam (6) di SK Presint 8(2). Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan prosedur permohonan Kad Pengenalan 12 Tahun.



## KEMPEN WORLD #QURANHOUR



7 JUN – Sempena menyahut kempen World#QuranHour, JPN telah melaksanakan Program Penerapan Nilai-Nilai Murni di Dewan Balora, JPN Putrajaya. Seramai 200 orang kakitangan JPN telah menyertai program yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah. Program dimulakan dengan bacaan Al-Quran beramai-ramai dengan dipimpin oleh para penceramah jemputan iaitu Ustaz Khir Firdaus Mokhtaruddin (Pensyarah Darr Quran, Datuk Keramat) dan Ustaz Nik Azlan bin Nik Man (JAKIM). Program kemudian diteruskan dengan forum yang dipengerusikan oleh Encik Tuan Ismail bin Tuan Abdullah.

## LAWATAN DIRAJA TENKU LAKSAMANA KEDAH KE JPN NEGERI KEDAH



3 MEI - JPN Negeri Kedah telah dikunjungi oleh Lawatan kehormat diraja iaitu Tengku Laksamana Kedah, Tunku Shazuddin Ariff Ibni Sultan Sallehuddin. Di dalam lawatan itu, Yang Berhormat Tunku hadir untuk membuat pertukaran kad pengenalan diri yang baharu. Selain itu, Yang Berhormat Tunku juga mengambil peluang melawat beberapa bahagian di JPN Kedah serta beramah mesra bersama dengan kakitangan JPN Kedah. Sesi lawatan diakhiri dengan majlis santapan bersama Yang Berhormat Tunku dan pegawai kanan JPN Kedah. Yang Teramat Mulia Tunku Laksamana Kedah Tunku Shazuddin Ariff Ibni Sultan Sallehuddin telah dimasyurkan setelah bekanda beliau dilantik sebagai Raja Muda Kedah.

## MAJLIS KHATAM AL-QURAN JPN KEDAH



7 JUN - Sempena bulan yang mulia iaitu bulan Ramadhan Al Mubarak, satu majlis khatam Al-Quran telah diadakan di bilik rekreasi JPN Kedah yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JPN Kedah. Bacaan Al-Quran diketuai oleh Encik Hj Alias bin Mat Ishak yang merupakan salah seorang kakitangan bahagian Kad Pengenalan. Dengan adanya majlis tersebut mampu menambah lagi ibadah dan mendapat rahmat keberkatan Allah SWT terutamanya di bulan Ramadhan Al Mubarak ini. Majlis ini juga akan mengeratkan lagi semangat ukhuwah antara kakitangan JPN. Selain itu, turut diadakan majlis sumbangan MADAH kepada kakitangan JPN Kedah yang ditimpa bencana banjir.

## SESI TEMUBUAL STESEN RADIO PERAK FM BERSAMA PENGARAH JPN PERAK



4 APRIL - Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Perak telah menerima jemputan bagi menjayakan satu program sesi temubual secara langsung bersama siaran Perak FM di Konti Perak FM, RTM Ipoh, Perak. Sesi temubual tersebut dihadiri oleh Pengarah JPN Perak, Tuan Zulazlan Bin Abu Hassan. Rancangan berbentuk informasi ini berlangsung selama 30 minit bagi menerangkan fungsi dan peranan JPN kepada seluruh pendengar Perak FM.



## KUNJUNGAN HORMAT YB M. KULA SEGARAN AHLI PARLIMEN IPOH BARAT MERANGKAP MENTERI SUMBER MANUSIA



8 JUN - JPN Perak telah menerima kunjungan Yang Berhormat M. Kula Segaran, Ahli Parlimen Ipoh Barat merangkap Menteri Sumber Manusia bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 4 JPN Perak. Kehadiran beliau adalah bagi membincangkan permasalahan rakyat di dalam kawasan beliau.

# MAJLIS PERSARAAN & PERPISAHAN KAKITANGAN JPN PULAU PINANG.

30 APRIL – JPN Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Persaraan & Perpisahan pada 30.04.2018 dan dihadiri oleh 39 orang yang terdiri dari pegawai dan kakitangan JPN Pulau Pinang. Pengurus majlis diketuai oleh Puan.Sharmimi Bt Arifin. Pembuka majlis diserikan dengan bacaan doa diketuai oleh Encik Mohd Hafis Bin Puteh.Majlis turut diserikan lagi dengan ucapan dari Pengarah JPN Pulau Pinang, Puan Nur Zulfa Binti Ibrahim memberikan kata-kata semangat dan ucapan terima kasih atas kerjasama mereka selama berkhidmat di JPN Pulau Pinang. Majlis persaraan & perpisahan ini juga turut diserikan lagi oleh Puan.Norhayati Bt Abd Rashid,Puan Halina Bt Ramli,Cik Mazlina Bt Husin Dan Cik Faizatul Ahyu Bt Abdullah Thani.Mereka memberikan sepatuh dua kata kepada rakan seperjuangan untuk terus berkhidmat untuk JPN Pulau Pinang.Di akhir Majlis Persaraan & Perpisahan,tayangan montaj dan video klip yang mengisahkan tentang saat terindah mereka semasa berkhidmat di JPN Pulau Pinang. Majlis diakhiri dengan permotongan kek bersama pengarah JPN Pulau Pinang semperna perpisahan terakhir.Majlis tersebut berlangsung dengan jayanya.



# PROGRAM FIESTA SIHAT RAKYAT BALIK PULAU PULAU PINANG.

06 MEI – Program Fiesta Sihat Rakyat Balik Pulau Pulau Pinang bertempat di SMK Pondok Upah Jalan Balik Pulau Pulau Pinang. Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Seri dr Hilmi Bin Haji Yahaya Timbalan Menteri kesihatan malaysia. Program ini juga telah mendapat penglibatan yang menggalakkan daripada penduduk setempat.Seramai 6 orang membuat permohonan kad pengenalan dan jumlah khidmat nasihat seramai 20 orang. Perancangan dan pelaksanaan program ini berjalan lancar dan teratur



## PERJUMPAAN KETUA HAKIM SYARIE



12 JUN – YAA Ketua Hakim Syarie, Mohamad Syakir Bin Abdul Hamid bersama Ketua Pendaftar Mahkamah Syarie Pulau Pinang Puan Hasniah Binti Hassan telah hadiri ke JPN Pulau Pinang untuk membincangkan isu dan masalah berkaitan pendaftaran kelahiran. Beliau berharap kerjasama dan hubungan baik diantara JPN Pulau Pinang dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dapat diteruskan pada masa akan datang.

## JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI



30 JUN – Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPN Pulau Pinang bertempat di Dewan Mentari, Sunshine Bertam. Majlis turut dihadiri oleh bekas Pengarah Encik Aswad bin Ahmad dan bekas Timbalan Pengarah Encik Khalil Hashim. Majlis pada hari itu diserikan dengan pelbagai jenis gerai makanan sumbangan dari bahagian-bahagian dan JPN cawangan selain daripada itu juga, menu utama di hari raya ialah nasi briyani. Semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini di JPN dapat diteruskan lagi di masa akan datang bagi merapatkan ukhwah dan tali silaturahim sesama warga JPN Pulau Pinang.



## TURUN PADANG DAFTAR LEWAT



13 JUN – Program turun padang daftar lewat ini diadakan bersama YB Joseph Ng Soon Siang ADUN Air Itam, Penghulu Daerah Timur Laut, JKPK, Klinik Kesihatan Air Itam atas kerjasama bersama JPN Pulau Pinang untuk membuat sijil lahir dua beradik yang tidak mempunyai dokumen sijil lahir. Maklumat ketidaaan dokumen sijil lahir telah diperolehi oleh Penghulu Pejabat Daerah Timur Laut dan telah dipanjangkan kepada JPN Pulau Pinang untuk turun padang dan seterusnya memproses sijil kelahiran bagi dua beradik.

## PAMERAN JOM JELAJAH JOHOR

16 APRIL – Satu pameran sempena Jom Jelajah Johor anjuran RTM Johor telah diadakan di Padang Rambah, Pontian. Terdapat aktiviti-aktiviti seperti pertandingan mewarna, pertandingan memasak, Johorfm Challenge, Fotografi, Sukan Rakyat dan Pertandingan Mobile Legend.

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Johor dan Unit Mobile telah membuka kaunter pameran dan khidmat nasihat serta kaunter pertukaran *MyKad*. Antara agensi lain yang terlibat ialah Polis Di Raja Malaysia (P.D.R.M), Jabatan Bomba Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Simpanan Nasional.

# PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI PERINGKAT JPN NEGERI MELAKA TAHUN 2018

10 APRIL – Sambutan Hari Inovasi JPN akan diadakan setiap tahun bertujuan untuk memberi pengiktirafan terhadap produk inovasi yang dihasilkan pada sesuatu tahun serta memupuk budaya inovasi di kalangan warga JPN sehubungan dengan itu pengarah Encik Norazle bersetuju untuk mengadakan hari inovasi. Pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat JPN Negeri Melaka Tahun 2018 telah diadakan Sempena Hari Inovasi JPN 2018 & Tahniah diucapkan kepada Pemenang Pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat JPN Negeri Melaka Tahun 2018 yang bertempat di Bilik Persidangan Aras 4 Kompleks KDN Ayer Keroh.



## PROGRAM JPN 28DAYS LOSS WEIGHT CHALLENGE 2018



18 APRIL – Program JPN 28 DAYS LOSS WEIGHT CHALLENGE 2018 telah dianjurkan oleh Biro Rekreasi MADAH Cawangan JPN Melaka bersama kakitangan JPN Negeri Melaka bertujuan memberi kesedaran kepada kakitangan JPN Negeri Melaka tentang pentingnya menjaga kesihatan serta cara pengambilan makanan yang berkhasiat dalam julat yang betul. Program JPN 28 DAYS LOSS WEIGHT CHALLENGE 2018 diadakan di Dewan serbaguna Kompleks KDN Ayer Keroh.

Program anjuran Biro Rekreasi MADAH Cawangan JPN Melaka ini sekali lagi telah diadakan pada 7 Mei 2018. Kali ini bertempat di Taman Botanikal Ayer Keroh Melaka yang diketuai oleh Encik Mohd Syaiful Bin Azik (Pengerusi Biro Rekreasi MADAH Caw. JPN Melaka) bersama kakitangan JPN Negeri Melaka bertujuan memberi kesedaran kepada kakitangan JPN Negeri Melaka tentang pentingnya dan impak menjaga kesihatan serta cara pengambilan makanan yang berkhasiat dalam julat yang betul.

## PROGRAM PENERAPAN NILAI MURNI



15 APRIL – Program Penerapan Nilai - Nilai Murni yang dijalankan oleh kakitangan JPN Negara Negeri Melaka Sempena Hari Pengisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah dengan slogan Melaka Maju Fasa Kedua diadakan adalah untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan warga JPN. Program ini telah disertai oleh ahli Biro Rekreasi serta kakitangan JPN Negeri Melaka yang berlangsung di Santuari Ikan Kelah Sg. Chiling, Selangor.

# PELANCARAN TABUNG IHYA' RAMADHAN SEMPENA MENYAMPUT BULAN RAMADHAN 1439H/2018.



16 MEI - Pelancaran Tabung IHYA' Ramadhan sempena menyambut bulan Ramadhan JPN Negeri Melaka telah diadakan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), JPN Negeri Melaka. Program ini dirasmikan oleh YDP. MADAH JPN Negeri Melaka Encik Norazle

Bin Sulaiman Bersama Pengurus Biro Agama MADAH Caw. JPN Negeri Melaka Encik Mohd Nasrom Bin Yusuf.

Pelancaran Tabung IHYA' Ramadhan sempena menyambut bulan Ramadhan JPN Negeri Melaka telah

diadakan bertujuan mengimarahkan lagi bulan Ramadhan dan memupuk warga JPN Negeri Melaka dalam membudayakan amalan menderma serta merebut keberkatan di bulan yang penuh hikmah ini.

## PENYAMPAIAN SUMBANGAN MADAH



30 MEI - Negeri Melaka ke tempat bagi menyampaikan sumbangan MADAH Cawangan Negeri Melaka kepada ahli MADAH yang Menyambut Kelahiran Bayi dan Sumbangan Ehsan kepada anak ahli MADAH yang dimasukkan ke dalam

Hospital. Penyampaian ini dilakukan di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka dan UTC yang disampaikan oleh NYDP MADAH Cawangan JPN MELAKA iaitu Encik Mokhtar Bin Mohamed kepada penerima sumbangan.

## MAJLIS KHATAM AL QURAN TAHUN 2018M 1439H

Majlis Khatam Al Quran Peringkat JPN Negeri Melaka bagi Tahun 2018 sempena Bulan Ramadhan telah diadakan di Surau Al Mustaqim, Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh, Melaka. Program yang julung kali diadakan ini melibatkan warga JPN Melaka bersama-sama Encik Norazle Bin Sulaiman, Pengarah JPN Negeri Melaka telah mengambil bahagian pada majlis tersebut. Sesi ceramah turut diadakan dan disampaikan oleh Ustaz Hilmi Iskandar dari Masjid Saidina Ali Bukit Katil, Melaka.



# PENYEDIAAN SUMBANGAN KURMA & KORDIAL KEPADA AHLI MADAH JPN NEGERI MELAKA SEMPENA MENYAMBAT BULAN RAMADHAN 1439H/2018.



16 MEI - Penyediaan sumbangan kurma dan kordial kepada ahli MADAH JPN Negeri Melaka sempena menyambut bulan Ramadhan JPN Negeri Melaka telah diadakan di Bahagian Kad Pengenalan (BKP), JPN Negeri Melaka. Sumbangan ini disediakan oleh Biro Agama Madah Caw. JPN Negeri Melaka Encik Mohd Nasrom

Bin Yusuf yang turut dibantu oleh kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka dalam proses pengasingan kurma dan kordial sebelum diagihkan kepada seluruh warga JPN Negeri Melaka .

Objektif sumbangan kurma dan kordial daripada Biro Agama Madah Caw. JPN Negeri Melaka ini ialah

untuk merapatkan silaturahim selain membangkitkan semangat dalam menyambut bulan yang mulia ini. Selain itu, memanfaatkan kehadiran bulan Ramadhan dengan amalan-amalan ibadah serta memperbaiki diri menjadi yang lebih baik dan dilimpahkan rahmat serta diampunkan dosa oleh Allah.

## LAWATAN PENANDARASAN EKSA DAN FUTSAL

26 APRIL - Seramai 25 kakitangan daripada Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan termasuk pegawai dari pejabat daerah telah membuat lawatan Penandarasan EKSA di Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Petaling Jaya. Lawatan diketuai oleh Encik Syahrul bin Adam selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Latihan. Taklimat disampaikan oleh Ketua Bahagian Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Petaling Jaya, Puan Sopiah binti Othman.

Selepas selesai membuat lawatan, satu acara Perlawanan Futsal Persahabatan antara Jabatan Pendaftaran Negeri Sembilan dan Jabatan Pendaftaran Negara Selangor telah diadakan di Frenzy Sport Centre Shah Alam. Kemenangan berpihak kepada pasukan daripada Jabatan Pendaftaran Negara Selangor.



# LAWATAN PENANDA ARAS EKSA



21 APRIL - Kakitangan JPN Daerah Temerloh, JPN Jengka dan JPN Daerah Bera telah membuat lawatan sambil belajar di JPN UTC Pahang. Pembelajaran tersebut lebih kepada Pensijilan EKSA. Ketua pejabat JPN UTC juga telah memberi taklimat kepada semua kakitangan yang hadir.

# PROGRAM MENGACAU BUBUR KACANG



8 JUN - Program mengacau bubur kacang telah diadakan di padang MPK 2, Kuantan Pahang. Program ini telah dianjurkan oleh Kompleks KDN Kuantan Pahang. Ramai warga Kompleks KDN turun bagi membantu dalam program tersebut. Setelah selesai bubur kacang tersebut telah diagih-agihkan kepada warga kompleks KDN dan orang ramai.

# OPS SEMAK



30 MEI - Bermula jam 10.00 malam, seramai 10 orang anggota JPN Pahang yang diketuai oleh Encik Khalil Anuar Bin Alias telah melakukan Ops Semak. Operasi ini lebih kepada semakan dokumen ke atas penduduk di sekitar Balok Kuantan Pahang. Tiada tangkapan dibuat pada operasi tersebut.

# AUDIT EKSA BIL 1.2018 DI JPN TERENGGANU



10 APRIL - Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Terengganu telah mengadakan Audit EKSA Bil.1/2018 bertempat di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu bermula jam 9.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Pelbagai kategori di pertandingkan antaranya Ruang Kerja Terbaik, Inovasi Terbaik, Persekutuan Kerja Terbaik, Idola EKSA dan Pelaksanaan Go Green Terbaik.

# SERAHAN KURMA KEPADA KAKITANGAN JPN PAHANG.



16 MEI - Majlis ringkas penyerahan kurma kepada Ketua, Pegawai dan Penyelia pejabat daerah diadakan. Penyerahan ini telah dibuat oleh Puan Pengarah sendiri kepada wakil-wakil pejabat untuk diserahkan kepada kakitangan seliaan masing-masing.

# EKSPO PEMBANGUNAN BESUT 2018 KOTA PUTRA SQUARE BESUT

10-13 APRIL - Program Ekspo Pembangunan Besut 2018 telah berlangsung bertempat di Kota Putra Square Besut Terengganu. Dua orang kakitangan JPN Negeri Terengganu dan seorang kakitangan JPN Daerah Besut yang terlibat di dalam menjayakan program kali ini. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penduduk sekitar tentang penjagaan kad pengenalan. Turut diadakan adalah pameran berkenna urusniaga utama JPN serta khidmat nasihat tentang info-info terkini kepada penduduk setempat. Program ini turut disertai oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain Jabatan lagi. Program berakhir pada jam 10.00 malam.

## LAWATAN YBHG TKSU KESELAMATAN KE JPN NEGERI TERENGGANU

29 APRIL - Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah menerima kunjungan daripada YBhg TKSU Keselamatan bertempat di JPN Terengganu jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi.



## PROGRAM TURUN PADANG KSU KDN KOMPLEKS PERUMAHAN IPD HULU TERENGGANU



30 APRIL - Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah menyertai Program Turun Padang bersama YBhg Dato' KSU Kementerian Dalam Negeri bertempat di Kompleks Perumahan IPD Hulu Terengganu bermula jam 9.00 pagi sehingga jam 1.00 tengah hari. Turut diadakan penyerahan dokumen Pengenalan diri kepada penduduk sekitar.

## TAZKIRAH RAMADHAN



24 MEI - Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah mengadakan Majlis Tazkirah Ramadhan sempena bulan Ramadhan bertempat di Bilik Mesyuarat JPNT pada jam 12.00 tengah hari sehingga 1.30 tengah hari. Majlis ini turut dihadiri oleh Encik Mohamad Nasir bin Kareem, Pengarah Pendaftaran Negara Negeri Terengganu.



## PERASMIAN UTC OLEH YAB MANTAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

4 MEI - Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah menyertai perasmian UTC oleh Mantan YAB Mantan Perdana Menteri Malaysia bertempat di UTC Paya Bunga Square Kuala Terengganu bermula jam 8.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Turut hadir Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu.



# SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2018 PERINGKAT JPNT



27 JUN - Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat JPNT bertempat di tingkat 2 Wisma Persekutuan Kuala Terengganu pada jam 10.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Majlis ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Jasri Bin Kasim Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) serta wakil-wakil pengarah setiap jabatan di bawah KDN serta pengarah agensi di Bangunan Persekutuan Kuala Terengganu.

## PROGRAM QURAN HOUR JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI KELANTAN

10 JUN - JPN Kelantan telah menganjurkan Program Khatam Quran bersamaan Quran Hour Tahun 2018. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Pengarah Pendaftaran Negara Negeri Kelantan, Puan Asrehan Binti Ab Razak.

Program ini juga telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JPN Kota Bharu serta pegawai dan kakitangan JPN Daerah/Cawangan Negeri Kelantan. Di dalam Program Quran Hour ini JPN Kelantan telah berjaya bersama-sama mengkhatamkan Al-Quran



## KURSUS JATI DIRI DAN PENGURUSAN STRESS DI TEMPAT KERJA



28 JUN - JPN Kelantan telah menganjurkan satu kursus bertajuk 'Kursus Jati Diri dan Pengurusan Stress di Pejabat Bil.1/2018' untuk pegawai dan kakitangan JPN Kelantan. Kursus ini telah diadakan selama 2 hari bermula 28 Jun hingga 29 Jun 2018. Kursus ini telah diadakan di Institut Pembangunan Modal Insan Jabatan Pengairan dan Saliran Panji Kota Bharu Kelantan.

Kursus ini dirasmikan oleh Puan Pengarah Pendaftaran Negara Negeri Kelantan dan penceramah jemputan yang hadir terdiri daripada Penceramah daripada Majlis Agama Negeri Kelantan (MAIK) dan juga penceramah daripada Cute Carry Consultant.

## MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JPN KELANTAN

30 JUN - JPN Kelantan telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2018 peringkat JPN Kelantan. Majlis Hari Raya Aidilfitri ini telah diadakan di Dewan Bunga Raya FAMA Tunjong Kelantan. Majlis ini dihadiri oleh Puan Pengarah Pendaftaran Negara Negeri Kelantan dan seluruh warga JPN Negeri Kelantan bersama keluarga masing-masing.

Turut dilangsungkan di dalam majlis sambutan hari raya ini, penyampaian saguhati kepada anak-anak cemerlang warga JPN Kelantan serta penyampaian 'Duit Raya' kepada kanak-kanak. Penyampaian ini disampaikan oleh Pengarah Pendaftaran Negara Negeri Kelantan.



## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DELEGASI HOSPITAL



6 APRIL - Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah menerima kunjungan hormat daripada Delegasi Hospital Kuala Lumpur (HKL). Lawatan ini disertai oleh pegawai dan kakitangan HKL seramai tujuh (7) orang yang diketuai oleh Puan Dr. Kuldip Kaura A/P Prem Singh, Timbalan Pengarah Perubatan 1. Manakala mesyuarat ini telah dipegerusikan oleh Timbalan Pengarah JPN WPKL, Puan

Norma Aizan Binti Che Man. Kunjungan HKL ini adalah bagi membincangkan mengenai cadangan penutupan JPN WPKL Cawangan Hospital Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, JPN WPKL Cawangan Hospital Kuala Lumpur akan dibuka seperti biasa untuk khidmat nasihat sahaja kepada pelanggan, manakala bagi urusan pendaftaran kelahiran dan kematian pelanggan boleh ke mana-mana pejabat JPN yang berhampiran.

## LAWATAN NAZIRAN PEROLEHAN KDN



12-13 APRIL - JPN WPKL telah menerima kunjungan panel Naziran Perolehan daripada KDN untuk sesi audit kewangan bertempat di Bilik Mesyuarat JPN WPKL. Panel yang membuat audit adalah pegawai dari KDN yang diketuai oleh Puan Nur Azira binti Abdul Rahman bersama empat pegawai lain. Antara yang tumpuan yang akan diberikan semasa lawatan tersebut ialah mengenai penyediaan baucer-baucer, bayaran dan baucer jurnal. Lawatan ini juga memastikan JPN WPKL melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang telah ditetapkan/bersesuaian.

# PROGRAM MEMANCING DAN KENDURI RAKYAT



8 APRIL – Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah menyertai pameran dan khidmat nasihat sempena Program Memancing dan Kenduri Rakyat Peringkat Parlimen Setiawangsa. Pameran ini turut disertai oleh agensi – agensi kerajaan. JPN WPKL memaparkan pameran dari segi evolusi sijil kelahiran dan evolusi kad pengenalan. Di samping itu juga pelbagai informasi dapat diperolehi oleh pengunjung yang berkunjung ke booth JPN WPKL. Dengan adanya program seperti ini kakitangan di booth pameran juga dapat mengenalpasti permasalahan yang dihadapi penduduk setempat.

Program ini turut diserikan dengan pertandingan memancing yang disertai penduduk setempat dan suasana dan hidangan makanan berkonsepkan kenduri.



## LAWATAN KERJA UNITED NATIONS HIGH COMMISSION

3 MEI – United Nations High Commission For Refugees (UNHCR) Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan (JPN WPKL) di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif utama lawatan kerja ini adalah untuk meneliti prosedur dan kaedah-kaedah bagi urusan pendaftaran kelahiran yang dilakukan oleh JPN untuk perlarian – pelarian yang melahirkan anak di Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan taklimat daripada Puan Noor Farena binti Salleh, Penolong Pengarah Operasi (I). Seterusnya semua pihak saling bertukar pandangan dan saranan serta berkongsi idea bagi membantu melancarkan urusan kedua-dua agensi. Pihak UNHCR juga dibawa melawat ke kaunter urusniaga Jabatan. Program lawatan sebegini akan dapat dibudayakan bagi memperkuuhkan jalinan kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta supaya berterusan di masa hadapan.

## SESI LATIHAN (FIRE DRILL) DI WISMA PERSEKUTUAN KLANG

4 MEI - Pihak pengurusan bangunan iaitu Chulia Facilities Management Sdn.Bhd telah mengadakan satu latihan kebakaran (Fire Drill) bersama warga JPN Klang,bertempat di Wisma Persekutuan Klang. Tujuan latihan tersebut diadakan adalah bagi memastikan apabila berlaku kebakaran semua kakitangan tahu teknik untuk menyelamatkan diri dengan cara yang betul dan cepat.



# KEJOHANAN FUTSAL PIALA PENGARAH JPN NEGERI SABAH



28 APRIL - Kelab Sukan Dan Sosial telah mengadakan Kejohanan Futsal Piala Pengarah JPNS bertempat di Gelanggang Futsal Yayasan Sabah Kota Kinabalu. Kejohanan ini diadakan untuk membuat pemilihan pasukan yang akan mewakili JPN Negeri Sabah ke Kejohanan Futsal piala Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia. Sebanyak 9 penyertaan bagi kategori pasukan lelaki dan 5 penyertaan bagi

kategori pasukan wanita diterima daripada bahagian dan daerah. Pasukan Hara2 Lima FT memenangi bagi kategori lelaki dan pasukan 5 United bagi kategori wanita. Pasukan yang menang akan mewakili JPN Sabah untuk bertanding di Kejohanan Futsal piala Ketua Pengarah JPN yang akan dijangka diadakan di Scholar's Inn UTM, Johor Bahru pada 12 hingga 14 Mei 2018.

## PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN

30 APRIL - Program Pemeriksaan kesihatan telah diadakan di Bilik Amanah JPNS. Program ini kerjasama JPN Ibu Negeri Sarawak dan Gribbles Laboratories Kuching. Peserta yang terlibat adalah merupakan kakitangan Ibu Pejabat JPNS dari pelbagai Gred. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pemeriksaan kesihatan bagi peserta dan taklimat kesihatan.



## MAJLIS PERASMIAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA UTC TAWAU



9 APRIL - Majlis Perasmian UTC Tawau diadakan di UTC Tawau, Sabah. Majlis ini disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir bersama, YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Musa Bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan Dato' Ismail Bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah.

## CERAMAH RAMADHAN

3 MEI - JPNS telah mengadakan Ceramah Ramadhan bersama penceramah jemputan daripada JAIS. Ceramah telah diadakan di bilik Amanah dan dihadiri oleh kakitangan JPNS dari pelbagai Gred.



# MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KUARTERS JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA BIL.1/2018



22 MEI - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPN) Bil.1/2018 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Rafflesia, JPN Negeri Sabah. Mesyuarat ini telah dipengurusikan oleh YBrs. Tuan Haji Jasri Bin Kasim, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan, JPN dan dihadiri oleh Pengarah-pengarah Negeri dan Bahagian. Selain itu, YBrs. Tuan Haji Jasri Bin Kasim turut membuat lawatan ke JPN Papar dan Pusat Rekod JPN Sabah yang ditempatkan di Kuarters JPN Papar bersama Pengarah-pengarah Negeri dan Bahagian.

## LAWATAN EKSA DARI SPP SARAWAK



11 MEI – Aktiviti EKSA telah dijalankan sepanjang bulan Mei 2018 yang mana JPN Ibu Negeri Sarawak telah menerima lawatan EKSA daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Sarawak dan penganjuran taklimat EKSA oleh Jawatankuasa Latihan EKSA, JPN Ibu Negeri Sarawak.

Rombongan pelawat daripada SPP telah hadir ke JPN Ibu Negeri Sarawak. Rombongan pelawat turut diberi taklimat ringkas berkaitan pelaksanaan EKSA serta dibawa melawat ke beberapa zon terlibat untuk mempelajari secara dekat bagaimana EKSA digunakan. Selain daripada itu, rombongan pelawat juga turut mempelajari sistem dokumentasi EKSA dan cara penyediaanya.

# LAWATAN PENANDAARASAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

28 MEI - Ahli Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Labuan telah membuat lawatan penandaarasan EKSA di Jabatan Pendaftaran Negara UTC Wilayah Persekutuan Labuan pada 16 Mei 2018. Rombongan seramai 10 orang kakitangan yang diketuai oleh Encik Mohd Firdaus bin Muhammad, Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Labuan adalah bertujuan berkongsi maklumat mengenai pelaksanaan EKSA untuk persiapan jabatan tersebut mendapatkan pensijilan EKSA. Rombongan ini telah diberi taklimat oleh Encik Farhan Bin Abdullah dan seterusnya dibawa untuk membuat lawatan ke ruang pejabat JPN. Dalam hal ini, rombongan AJK EKSA Jabatan Pengairan Dan Saliran berterima kasih kepada JPN di atas segala kerjasama yang diberi sepanjang lawatan tersebut.



## KURSUS ETIKA PENGURUSAN KAUNTER DI DEWAN AKADEMI KASTAM SARAWAK



27-28 JUN - Kursus etika pengurusan kaunter anjuran Unit Latihan JPN telah berlangsung selama 2 hari bertempat di Dewan Akademi Kastam Sarawak. Para peserta yang terlibat merupakan kakitangan JPNS dari pelbagai Gred dari Pengurusan/Profesional sehingga kakitangan sokongan/pelaksana. Kursus ini disasarkan kepada petugas kaunter bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang etika ketika bertugas di kaunter.

INSPIRASI WARGA

# ENCIK NOORULADZIM BIN ATEMAN

PENGARAH  
BAHAGIAN KELAHIRAN, KEMATIAN DAN ANAK ANGKAT

## BOLEH TUAN CERITAKAN SERBA SEDIKIT TENTANG PENGALAMAN BEKERJA TUAN DI JPN?

Saya bermula sebagai pelajar praktikal dengan salah sebuah syarikat yang membekalkan sistem pengecaman cap jari (Automated Fingerprint Identification System-AFIS) dan seterusnya pada tahun 2003 saya telah diterima bekerja dengan syarikat tersebut. Tugas utama saya ialah sebagai pentadbir sistem AFIS khusus untuk Jabatan Pendaftaran Negara di Petaling Jaya.

Pada penghujung tahun 2004, semasa JPN sedang membuat persediaan untuk berpindah pejabat dari Petaling Jaya ke Putrajaya, saya telah diterima untuk berkhidmat

dalam perkhidmatan kerajaan. Mungkin sudah ketentuan daripada Allah S.W.T, pada 10 Januari 2005 saya bersama beberapa pegawai lain telah diarahkan bertugas di JPN yang pada waktu itu baru sahaja berpindah ke Precint 2, Putrajaya. JPN pada waktu tersebut, sedang giat membangunkan sistem I-JPN dan mempromosikan projek Kad Pintar Pelbagaiguna Kerajaan (KPPK) atau lebih dikenali sebagai *MyKad*. Mungkin sebab itulah kebanyakan pegawai yang ditempatkan di JPN adalah berlatarbelakangkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Penempatan pertama saya di JPN ialah di Bahagian Kad Pengenalan iaitu di Unit Semak Lulus (sekarang dikenali sebagai Unit GQD) dan

selepas itu saya ditukarkan ke Unit Personalisasi Kad (Unit PC). Kemudian, pada tahun 2007, saya telah diarahkan untuk bertugas di Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKW) selaku pegawai yang bertanggungjawab ke atas projek-projek pembangunan JPN. Setelah hampir 4 tahun di BKW, pada tahun 2011 saya telah diarahkan bertugas semula di Bahagian Kad Pengenalan selaku Timbalan Pengarah sehingga penghujung tahun 2016. Pada Januari 2017, saya telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Unit Integriti selama lebih kurang setahun setengah dan pada 2 Mei 2018 saya telah ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat (BKA).



## JANG BERKHIDMAT DI JPN APAKAH TRANSFORMASI JPN YANG PALING BERJAYA DILAKUKAN?

Saya melihat transformasi JPN sebenarnya telah berlaku secara progresif sejak dasawarsa 90-an lagi. Transformasi ini bermula dengan era perkembaran digital yang kemudiannya disokong kuat oleh lonjakan paradigma pemimpin tertinggi JPN untuk mengubah minda pegawai dan kakitangan JPN supaya tidak kekal dengan status quo dan sentiasa mencari langkah-langkah terkini dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Banyak transformasi yang telah dilaksanakan oleh JPN seperti program outreach Mobile Ehsan, perkhidmatan bas Mobile, percetakan *MyKad* dan *MyKid* teragih, perkhidmatan secara atas talian melalui portal, perkongsian data antara agensi seperti PDRM dan Kementerian Kesihatan dan lain-lain agensi kerajaan melalui sistem MyIdentity serta banyak lagi. Kesemua program transformasi yang dilaksanakan adalah bertujuan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Saya tidak pernah meletakkan sesuatu perubahan tu adalah usaha berseorangan seseorang. Setiap transformasi yang berlaku pastinya akan mempunyai titik kritis sama ada penerimaan atau tentangan (resistance) daripada kakitangan. Apa yang penting kita perlu memahami setiap arahan dan memberikan pandangan dan ulasan sebaiknya berdasarkan peruntukan undang-undang dan kebolehlaksanaan sesuatu perkara. Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Kadang-kadang ada perkara yang perlu dibuat berlainan dari kebiasaan, beyond normal, cabaran-cabaran baru perlu dihadapi dengan berani bukan bersembunyi.

## APAKAH PANDANGAN TUAN TERHADAP MASA DEPAN JPN SECARA UMUM DAN PEGAWAI PENDAFTARAN SECARA KHUSUSNYA?

Melihat kepada fungsi-fungsi JPN yang ada sekarang, saya berasaskan jabatan ini akan sentiasa kekal relevan dalam menjaga rekod penduduk negara. Namun demikian,

trend dan gaya hidup masyarakat kita berubah mengikut masa, selari dengan perubahan dunia global. Isu-isu masa hadapan berkaitan JPN termasuklah isu berkaitan sosioekonomi mahupun perubahan iklim, era Revolusi Industri 4.0, Internet of things (IoT), keterbukaan data dalam media sosial, analisa data raya dan isu keselamatan ICT serta perlindungan data peribadi akan menjadi cabaran kepada para Pegawai Pendaftaran untuk menguruskannya.

Mungkin dengan perkembangan gaya hidup dan kemajuan teknologi, satu masa nanti kita tidak lagi menggunakan kad pengenalan untuk memperkenalkan diri kita secara rasmi atau mungkin kita tidak lagi perlu mengisi borang dan hadir ke mana-mana premis kaunter untuk mendaftarkan kelahiran. Apa yang penting bagi JPN dan Pegawai Pendaftaran ialah kebolehan untuk menyesuaikan urusniaga jabatan selari dengan teknologi dan kehendak terkini disamping tidak mengeneplikan spirit perundangan demi keselamatan serta pembangunan negara.

Bagi memenuhi aspirasi kemajuan negara, Pegawai Pendaftaran mestilah sentiasa mempunyai tekad untuk memberikan perkhidmatan terbaik tanpa prejedis kepada pelanggan. Sikap memudahcara dan buat sehabis baik akan memberikan nilai yang tidak terhingga kepada perkhidmatan seseorang. Pendedahan kepada teknologi dan solusi terkini tidak kira dari dalam atau luar negara juga membolehkan Pegawai-pengawai Pendaftaran bereksplorasi bukan sahaja untuk mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah malahan untuk menambahbaik perkhidmatan sedia ada.

Selain itu, Pegawai Pendaftaran boleh memajukan diri dengan tidak hanya bergantung kepada kerajaan untuk menyambung

pelajaran sehingga ke peringkat PhD dalam mengkaji isu-isu berkaitan JPN. Jika skim-skim perkhidmatan yang lain boleh membuat kerjasama dengan universiti tempatan untuk membangunkan modul-modul khusus berkaitan, tidak mustahil satu hari nanti terdapat Diploma Lanjutan atau Pengajian Master khusus untuk Hal-ehwal



Pendaftaran Negara.

## **BOLEH TUAN KONGSIKAN SERBA SEDIKIT NASIHAT DAN TUNJUK AJAR KEPADA SEMUA WARGA JPN UNTUK MEMASTIKAN JPN TERUS CEMERLANG DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA PELANGGAN?**

Meskipun perkhidmatan saya hampir 14 tahun di JPN, saya masih berasakan yang saya masih kerdil untuk memberikan nasihat atau tunjuk ajar kepada sesiapa pun. Lebih banyak kita tahu sebenarnya lebih banyak lagi yang kita tidak tahu. Oleh itu, apa yang boleh saya

kita laksanakan sebagaimana yang dikehendaki dan InsyaAllah, apabila kita tidak mengira kerja, orang lain tidak akan mengira-ngira kerja kita dan tidak akan berkira-kira dengan kita.

Selain itu, dalam melaksanakan tugas di JPN, sudah pasti Arahan Jabatan dan SOP menjadi rujukan utama kita. Namun arahan dan SOP bukanlah boleh diambil secara literal sahaja, tetapi mestilah mengikut asas atau spirit arahan itu dikeluarkan. Disinilah pentingnya "Latar Belakang" dalam setiap arahan. Pembuat arahan mestilah

yang relevan. Sebagaimana spirit Akta Pendaftaran Negara dan Akta Kelahiran dan Kematian, kedua-dua akta ini bertujuan mendaftarkan semua penduduk Malaysia tanpa mengira status demi menjaga keselamatan dan negara. Namun kita kadang-kadang terkhilaf dalam menilai sesuatu permohonan dan menyebabkan orang yang layak didaftarkan akhirnya tidak didaftarkan, menyebabkan orang-orang ini tidak mempunyai identiti rasmi (baca: negara tidak mempunyai data mereka) dan seterusnya boleh menggugat. Ia adalah sesuatu yang paradoks, menjaga keselamatan



kongsikan adalah tunjuk ajar dan nasihat daripada pegawai atasan saya dan juga sahabat-sahabat dalam perkhidmatan di JPN juga.

Perkara paling utama yang kita harus pegang dan sentiasa menjaganya ialah Amanah. Ia sesuatu yang berat untuk dipikul tetapi mesti dibuat dengan habis baik. Apabila kita ada cita-cita untuk menjaga amanah, pasti Allah berikan jalan kepada kita untuk mencapai cita-cita tersebut. Saya sering diingatkan untuk tidak mengira kerja, apa yang telah diamanahkan,

menjelaskan spirit sesuatu arahan dengan lengkap, manakala si penerima arahan mestilah membaca arahan secara keseluruhan supaya tindakan tidak menyimpang dari maksud asal arahan.

Begini juga dalam kita menguruskan sesuatu permohonan, kita sering diingatkan untuk sentiasa menjaga keselamatan dan memastikan hanya orang yang benar-benar layak didaftarkan. Namun ini bukanlah bererti kita boleh prejudis kepada pelanggan kita. Setiap pertimbangan mestilah dibuat berdasarkan fakta

bermaksud mendaftarkan semua penduduk negara!

Akhir sekali, sebagai penjawat awam, kita mestilah memegang prinsip sebagai penyelesa masalah dan pemudahcara. Sekiranya kita memudahkan urusan orang, urusan kita juga akan jadi mudah. InsyaAllah.

## PROGRAM MOBILE EHSAN JPN JOHOR



30 APRIL – Sepanjang bulan April 2018 sebanyak Sembilan belas (19) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan Unit Mobile Ehsan JPN Johor di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses **MyKad** bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN serta pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Johor Bahru, Pasir Gudang, Tangkak, Batu Pahat, Pontian dan Mersing.

31 MEI – Sepanjang bulan Mei 2018 sebanyak tiga (3) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan Unit Mobile Ehsan JPN Johor di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses **MyKad** bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN serta pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Tangkak, Muar dan Kota Tinggi.

28 JUN – Sepanjang bulan Jun 2018 sebanyak enam (6) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan Unit Mobile Ehsan JPN Johor di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses **MyKad** bagi Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN serta pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Batu Pahat dan Kluang.

## PROGRAM MOBILE HR & YOU



11 APRIL – Unit Mobile Bahagian Kad Pengenalan Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima tawaran bagi menjayakan Program HR & YOU di Twin Tower Fitness Centre (TTFC) Concourse, Menara Berkembar Petronas. Objektif pengajuran program sehari adalah untuk membantu penukaran kad pengenalan kepada kakitangan KLCC. Pasukan Monile JPN WPKL yang terlibat seramai empat orang kakitangan yang diketuai oleh Puan Fazarizma Binti Fajarudin. Sebanyak 53 permohonan telah diterima sepanjang program berlangsung.

## PROGRAM MOBILE EHSAN WILAYAH PERSEKUTUAN KL



1 APRIL – Program Mobile Ehsan iaitu perkhidmatan bergerak ke rumah atau institusi yang fokus kepada Orang Kurang Upaya (OKU), pesakit mental dan warga emas terlantar yang menghadapi kesukaran untuk hadir ke kaunter JPN bagi memohon *MyKad*. Unit Mobile JPN WPKL telah menjalankan tugas memproses permohonan gantian *MyKad* bagi warga emas yang uzur. Memiliki dokumen pengenalan diri juga akan memudahkan golongan ini menerima bantuan daripada kerajaan.

## PAMERAN KHIDMAT NASIHAT JOM JPJ JPN NEGERI MELAKA



7 APRIL – JPN Negeri Melaka telah dijemput untuk mengadakan Pameran Khidmat Nasihat JPN Negeri Melaka sempena Program Jom JPJ Negeri Melaka Bil 2/2018 di JAPERUN RIM Jasin Melaka. Program ini melibatkan masyarakat dan penduduk setempat di kawasan tersebut. Pelbagai lapisan masyarakat datang untuk melihat bahan pameran dan bertanyakan berkaitan dokumen rasmi pengenalan diri tutut diadakan aktiviti promosi berkaitan Jabatan yang diwakili oleh kakitangan Unit Komunikasi Koprorat Dan Kakitangan Bahagian Kad Pengenalan.

## MAJLIS UPACARA PENDAFTARAN PERKAHWINAN



20 APRIL – Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka Bahagian Pendaftar Perkahwinan telah mengadakan Majlis Upacara Pendaftaran Perkahwinan di Bahagian Perkahwinan & Perceraian yang berlangsung di JPN Negeri Melaka diantara pasangan Danielanthony & Kasturi oleh Pegawai Pendaftar Perkahwinan Puan Azizah di bilik perkahwinan JPN Negeri Melaka.

## MENYANTUNI RAKYAT DAN PELANGGAN, PENGARAH BERSAMA KETUA MENTERI MELAKA



4 APRIL - Dalam usaha untuk menjalin hubungan yang lebih akrab di antara Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Melaka dengan masyarakat satu sesi penyerahan Dokumen Pengenalan Diri telah diadakan di kawasan Bemban yang telah disampaikan oleh Pengarah JPN Negeri Melaka, Encik Norazle Bin Sulaiman bersama dengan penerima sijil kelahiran.

# PROGRAM TURUN PADANG (MOBILE EHSAN) NEGERI MELAKA




4 APRIL - Unit Mobile JPN Negeri Melaka ke 3 buah tempat bagi menjalankan kerja-kerja Mobile Ehsan kepada pihak yang memerlukan. Permohonan pertama untuk Gantian Peraturan 18 di alamat Batu 10 Kamping Pulai 77300 Merlimau, Melaka. Selepas itu, Unit Mobile JPN Negeri Melaka ke alamat Batu 10 Kamping Pulai 77300 Merlimau, Melaka untuk gantian Mykad rosak. Kemudian ke Lot 631 Kampung Pulai Darat 77300 Merlimau, Melaka untuk gantian Mykad hilang.

Kebanyakkan permohonan dilakukan di rumah kediaman pemohon di mana pemohon terdiri daripada golongan OKU dan warga emas yang uzur serta pesakit yang sukar untuk bergerak. Pegawai yang bertugas pada hari tersebut ialah Puan Zazila Binti Zakaria, Encik Azmil Bin Abu Kasim dan Puan Siti Aminah Binti Abu Yamin. Kesemua permohonan ini telah di proses dan menunggu kelulusan untuk cetakan kad. Mykad akan diserahkan kepada permohon setelah siap.

6 APRIL - Unit Mobile JPN Negeri Melaka ke tempat bagi menjalankan kerja-kerja Mobile Ehsan kepada pihak yang memerlukan. Permohonan untuk Gantian Peraturan 18 di alamat 859-1 Jalan Sabidah Batu 5 ½ Bukit Rambai 75250, Melaka.

Permohonan ini dilakukan di rumah kediaman pemohon di mana pemohon terdiri daripada golongan OKU. Pegawai yang bertugas pada hari tersebut ialah Puan Zazila Binti Zakaria, Encik Azmil Bin Abu Kasim dan Puan Siti Aminah Binti Abu Yamin. Permohonan ini telah di proses dan menunggu kelulusan untuk cetakan kad. Mykad akan diserahkan kepada permohon setelah siap.

# PROGRAM TURUN PADANG (MOBILE EHSAN) NEGERI SEMBILAN



19,22 APRIL - Pasukan Outreach Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan telah melaksanakan Program Mobile Ehsan dengan menyediakan perkhidmatan permohonan kad pengenalan bagi pemohon-pemohon yang mempunyai masalah untuk berurus di kaunter. Sebanyak 8 permohonan telah berjaya dilaksanakan.

# PERKHIDMATAN OUTREACH SEMPENA PROGRAM PRA PELANCARAN MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL.



16 APRIL - Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan telah menyediakan perkhidmatan outreach sempena program Pra Pelancaran Perbandaran Jempol yang bertempat di Medan Selera Bandar Seri Jempol. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti mobile offline, pameran dan kaunter pertanyaan.

## PROGRAM MENYEMAI KASIH RAKYAT BERSAMA PENDUDUK PENAN (ADUN N.66 MURUM)

12-15 APRIL - Program Menyemai Kasih Rakyat Bersama Penduduk Penantelah dijalankan di Long Singu, Metalun, Belaga, Sarawak. Program ini disertai oleh YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah, Ketua Pengarah JPN dan YBrs. Tuan Jasni Bin. Hj. Jubli, Pengarah JPN Sarawak dan kakitangan Unit Khas yang diketuai oleh Encik Sylvester Bin Tausin.

Antara pengisian program ialah pendaftaran bergerak, ceramah, serahan dokumen pengenalan dan sebagainya. Program ini merupakan anjuran JPNS dgn kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat N.66 Murum.



## JPN OUTREACH DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI SUNGAI BERUA HULU TERENGGANU



18 APRIL - JProgram JPN Walkabout telah berlangsung bertempat di Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu. Seramai 4 orang kakitangan JPN Negeri Terengganu dan seorang kakitangan JPN Daerah Hulu Terengganu yang terlibat dalam menjayakan program kali ini.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penduduk sekitar tentang penjagaan

kad pengenalan. Turut diadakan adalah pameran berkennaan urusniaga utama JPN serta khidmat nasihat tentang info-info terkini kepada penduduk sekitar. Di samping itu pihak JPNT juga telah menerima permohonan gantian *MyKad* bagi kategori rosak dan tukar alamat, permohonan kad pengenalan 12 tahun serta pendaftaran lewat kelahiran. JPN mengambil peluang ini dengan memberi khidmat nasihat

tentang setiap kelahiran yang berlaku perlu didaftarkan, kesan-kesan buruk jika tidak mendaftar kelahiran, memberi tips penjagaan *MyKad* serta penerangan tentang kewajipan kanak-kanak genap umur 12 tahun perlu membuat permohonan kad pengenalan sebagai dokumen pengenalan diri bagi memudahkan urusan harian. Program berakhir pada jam 3.00 petang.

## PROGRAM OUTREACH MY12 DEWAN SMK SRI DUNGUN TERENGGANU



24 APRIL - Program Outreach MY12 telah berlangsung bertempat di SMK Sri Dungun Terengganu. Seramai 4 orang kakitangan dari JPN Negeri Terengganu dan seorang dari JPN Cawangan Dungun yang terlibat

dalam menjayakan program ini. Taklimat mengenai Mykad telah disampaikan oleh Cik Nor Jannah Mariam Hana Binti Ismail Penolong Pegawai Pendaftaran JPN Cawangan Daerah Dungun.

# PROGRAM JOM BANTU RAKYAT PENDAFTARAN MY12 DEWAN SMK PADANG PULUT, DUNGUN TERENGGANU



4 APRIL - Program Jom Bantu Rakyat Pendaftaran My12 telah berlangsung bertempat di SMK Padang Pulut Dungun Terengganu. Seramai 4 orang kakitangan dari JPN Negeri Terengganu dan seorang dari JPN Cawangan Dungun yang terlibat dalam menjayakan program ini. Taklimat mengenai Mykad telah disampaikan oleh Cik Nor Jannah Mariam Hana Binti Ismail Penolong Pegawai Pendaftaran JPN Cawangan Daerah Dungun.

## MOBILE EHSAN NEGERI PULAU PINANG



26 JUN - Sepanjang bulan Jun 2018 sebanyak (13) Program Mobile Ehsan telah diselesaikan oleh pasukan unit mobile ehsan JPN Pulau Pinang di mana program ini dibuat berdasarkan permintaan daripada orang awam bagi memproses MYKad bagi Warga emas serta mereka yang mengalami kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN. Tujuannya juga adalah untuk meringankan beban pemohon yang tidak berkemampuan. Antara kawasan yang terlibat adalah di sekitar Kepala Batas Pulau Pinang.

# JPN @ MEDIA

## Timbalan Ketua Pengarah JPN meninggal dunia

**PUTRAJAYA 3 April**

- Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Operasi), Datuk Mohd. Zahari Hassan meninggal dunia di Pusat Perubatan Subang Jaya akibat gastrik, petang semalam.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam satu kenyataan memaklumkan, Allahyarham yang berusia 59 tahun menghembuskan nafas terakhir pada pukul 4.59 petang.

Allahyarham meninggalkan seorang balu dan enam orang anak.

“Jenazah telah disempurnakan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, di sini dan selamat dikbumikan di Tanah Perkuburan Islam Presint 20 malam tadi.

“Seluruh warga JPN berduka cita di atas pemergian Allahyarham,” kata kenyataan itu di sini hari ini.



**MOHD. ZAHARI**

Allahyarham dilahirkan pada 11 Disember 1958 memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada 14 Disember 1981 sebagai Pegawai Tadbir Awam JPN dan seterusnya dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada tahun 1991.

Sepanjang tempoh 37 tahun dalam perkhidmatan awam, beliau merupakan pegawai yang sangat berdedikasi, berdisiplin dan disayangi oleh rakan dan kakitangan JPN.

“JPN sangat terkesan dengan kehilangan seorang pegawai yang banyak berjasa dan aktif menyumbangkan idea, masa serta tenaga dalam menjayakan program dan operasi utama jabatan,” tegas kenyataan itu lagi.

### Undang-undang daftar pemilih secara automatik

■ Rasanya sudah tiba masa kerjaan Pakatan Harapan meluluskan undang-undang mengenai daftar pemilih dalam pilihan raya iaitu mendaftar secara automatik mananya warganegara Malaysia yang telah genap atau mencapai 18 tahun ke atas sebagai pengundi sah dalam pilihan raya di Malaysia.

Jabatan Pendaftaran Negara boleh mengenal pasti mana-mana individu yang telah mencapai umur tersebut untuk terus didaftarkan dalam sistem pilihan raya. Dengan cara begini pihak SPR tidak perlu bersusah-payah menyeru rakyat untuk datang mendaftar sebagai pemilih kerana dalam sistem telah dibuat secara automatik. Dengan cara begini secara tidak langsung boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan dari segi pengurusan SPR. - *Oui Sel, Tanah Merah*

## JPN perjelas dua kaedah pertukaran alamat

**Putrajaya:** Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memperincikan kewujudan dua kaedah bagi merekod alamat terkini pemilik kad pengenalan sama ada ia dicetak pada permukaan kad atau mengemas kini maklumat berkenaan dalam cip sedia ada.

Dalam satu kenyataan semalam, JPN berkata, perincian itu turut termaktub dalam Peraturan 15(2), Peraturan Pendafataran Negara 1990.

"Cetakan alamat terkini pada kad pengenalan memerlukan gantian kad baharu dengan kadar bayaran RM10, manakala kadar bayaran mengemas kini rekod cip pada kad sedia ada tanpa gantian kad baharu pula sebanyak RM2.

"Selaras dengan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa, pertukaran alamat kediaman pada kad pengenalan itu perlu direkodkan

oleh JPN berdasarkan kepada permohonan pemilik.

"JPN ingin menjelaskan kekeliruan sesetengah pihak berhubung isu pertukaran rekod alamat kediaman pada kad pengenalan yang tular di media sosial, baru baru ini," katanya.

Dalam pada itu, JPN turut menasihahkan orang ramai supaya menghubungi pejabat JPN bagi mendapatkan sebarang maklumat dan penjelasan lan-

jut berkaitan dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan.

Sebelum ini, tular di media sosial apabila berlaku kekecoh di Pusat Penamaan Calon di Dewan Jubli Perak, Majlis Perbandaran Bentong apabila calon pembangkang PKR mempersoalkan status kad pengenalan calon Barisan Nasional DUN Ketari, Datuk Lau Hoi Keong yang di dakwa tidak beralamat di Pahang.

## Lebih 600,000 terima manfaat pusat sehenti

**Seremban:** Lebih 600,000 penduduk di daerah ini termasuk Ampangan, Paroi dan Kuala Pilah menerima pelbagai manfaat dengan kewujudan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Negeri Sembilan yang beroperasi empat bulan lalu.

Pusat itu juga yang pertama membawa pembaharuan dari segi perkhidmatan dengan penyediaan kaunter 'I Serve' menggabungkan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendafataran Negara (JPN) serta Jabatan Imigresen.

Kaunter itu membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan ketiga-tiga agensi berkenaan di satu tempat saja.

Langkah proaktif itu bertujuan menambah baik kaunter kerajaan yang berupaya menjadi platform merakyatkan perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik, cepat dan selesa kepada rakyat.

Tinjauan mendapati orang ramai menyambut baik langkah kerajaan menyediakan UTC kerana menjimatkan masa dan wang mereka untuk berurusan di satu

tempat saja.

Pesara swasta, Zakaria Ahmad, 61, yang menetap di Taman Tuanku Jaafar, Serawang, berkata dia mengunjungi UTC setiap dua bulan untuk berurusan di Lembaga Tabung Haji.

"Saya sangat berpuas hati dengan adanya UTC kerana memudahkan urusan saya dan mengimatkan masa.

### Perkhidmatan bawah satau bumbung

"Saya tidak perlu lagi pergi ke banyak lokasi untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan dan swasta kerana UTC menyediakan semua perkhidmatan di bawah satu bumbung," katanya.

Ibu tunggal, Noriah Hashim, 69, berkata urusan menjadi lebih mudah dengan adanya UTC kerana hanya perlu ke satu tempat untuk mendapatkan perkhidmatan dan klinik kesihatan.

"Saya tiada kenderaan dan memaki bas untuk ke mana-mana. Apabila ada UTC, saya datang ke sini untuk ke klinik kesihatan dan boleh lakukan urusan lain termasuk mencari barang keperluan se-

### Info

#### 15 agensi beroperasi di UTC Negeri Sembilan

- Jabatan Imigresen Malaysia
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Kementerian Sumber Manusia
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- Kementerian Belia dan Sukan
- Majlis Amaran Rakyat (MARA)
- Lembaga Tabung Haji
- TM Point
- Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS)
- Klinik Kesihatan
- Klinik Pengijian
- Majlis Perbandaran Seremban (MPS)
- Pejabat Pengurusan UTC

belum pulang ke rumah," katanya.

K Shangari, 23, yang kali pertama berkunjung ke UTC untuk urusan pendaftaran perkalswinan di JPN akan datang lagi ke situ untuk mendapatkan perkhidmatan lain selepas ini.

"Terima perkhidmatan di UTC cepat, orang tidak terlalu padat kerana bangunannya yang luas dan selesa.

"Saya ada urusan di sini (JPN) dan ia sangat cepat semuanya di sini dan ada yang beroperasi hingga malam," katanya.

### Buka, jana pelbagai peluang ekonomi

Selain masyarakat, pembukaan UTC di sini turut membuka peluang kepada peniaga meningkatkan ekonomi.

Pemilik restoran, Ramslee Rahmat, 56, berkata dia bersyukur sejak UTC beroperasi, sumber pendapatannya bertambah apabila semakin ramai pelanggan berkunjung ke restorannya.

"Dia yang sudah 20 tahun membuka restoran berkenaan mengaku perniagaannya semakin maju

berbanding sebelum UTC beroperasi yang mana kawasan perniagaan di situ lebih sumbu dan kurang pelanggan.

"Saya kini membuka restoran dari jam 7 pagi hingga 12 tengah malam berbanding sebelum ini hanya beroperasi sehingga jam 4 petang.

"Itu adalah atas permintaan pelanggan yang mahu merasai selesa sementara meninggalkan urusan mereka di UTC selesai."

"Kehadiran orang ramai yang menggalakkan membuatnya saya berhasrat menambah pendapatan dengan menjual makhan secara trak makhan pada waktu malam," katanya.

Peniaga makhan ringan, Ani Bujang, 46, turut mengaku perniagaannya semakin laris sejak UTC beroperasi kerana orang ramai datang untuk mendapatkan perkhidmatan.

"Alhamdulillah perniagaan saya lebih maju berbanding sebelum ini. Malah saya lebih seronok berniaga di sini kerana jumlah peniaga juga semakin bertambah dan saya tidak sumbu lagi," katanya.

### Alor Setar

## JPN siasat warga emas ‘meninggal’

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Kedah memulakan siasatan berhubung kes dakwaan seorang warga emas yang ‘disahkan’ meninggal dunia oleh jabatan terbabit.

Sumber JPN Kedah berkata, pihaknya kini menyiasat beberapa perkara mengenai dakwaan warga emas terbabit, Hashim Ahmad, 76, yang dikatakan menimbulkan persoalan.

“Kami akan beritahu status siasatan bila sampai masanya sebab ada beberapa perkara kami dapat menimbulkan persoalan.

“Benda itu (bagaimana laporan kematian boleh dibuat) yang kami siasat, ” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini, Hashim yang terlantar di Hospital Kuala Nerang akibat penyakit angin ahmar buntu selepas tidak dapat menyelesaikan urusan pendaftarannya ke rumah kebajikan kerana ‘disahkan’ meninggal dunia oleh JPN.

Hashim tinggal sebatang kara selepas menjadi orang buang daerah ke Padang Terap sejak lebih 30 tahun lalu akibat jenayah berat dilakukannya sebelum ini.

Rentetan itu, Hashim yang berasal dari Batu Pahat, Johor berhasrat menetap di rumah kebajikan akibat masalah kesihatan dihadapi.

Namun permohonannya itu tidak dapat diproses berikutan pengenalan dirinya didaftarkan meninggal dunia.

# buletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara



TERBITAN  
Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Pendaftaran Negara